

Perkahwinan PM lakar sejarah negara

BH - 8/6/2007

RAKYAT Malaysia keseluruhannya mengucapkan tahniah sempena majlis akad nikah dan perkahwinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan wanita pilihannya, Jeanne Abdullah esok.

Peristiwa yang membabitkan perkahwinan seorang Perdana Menteri tidak pernah disaksikan sebelum ini dan saya percaya peristiwa berkenaan akan terus menjadi lakaran sejarah penting bagi negara ini.

Tiba masanya negara melihat kekosongan isteri Perdana Menteri diisi selepas pemergian Allahyarham Datin Seri Endon Mahmud. Kita diingatkan bahawa dalam al-Quran pernah ada tokoh wanita yang me-

ngendalikan kekuasaan besar dan di sekelilingnya banyak tokoh lelaki.

Orang yang pertama masuk Islam daripada umat Nabi Muhammad adalah wanita, iaitu Khadijah. Orang yang pertama mati syahid dalam Islam juga seorang wanita iaitu Summayyah, ibunda Ammar Yasir.

Sejarah Islam juga mencatat wanita turut hijrah ke Habsyah dan Madinah. Bahkan ada antara mereka yang hijrah dalam keadaan hamil tua. Asma binti Abu Bakar, adalah wanita yang menghantar makanan untuk Nabi dan Abu Bakar selama mereka bersembunyi di Gua Tsur, dalam perjalanan hijrahnya. Antara kaum Ansar yang menyaksikan baiat

Aqabah, ada juga golongan wanita. Wanita juga turut berjihad bersama Rasulullah dalam beberapa peperangan yang diikuti Baginda.

Demikian juga Sayidah Aisyah dalam peranan politiknya. Ini adalah contoh paling nyata mengenai peranan politik wanita yang sebenarnya.

Terlepas daripada pro kontra dalam keputusan, Aisyah bersama pasukan yang besar menuju ke Basrah untuk menuntut darah Uthman. Apa yang pasti wanita juga mampu melakukan apa yang boleh dilakukan seorang lelaki.

Dalam erti kata politik sebenarnya, wanita mencakupi kerjasama, bantuan dan penguasaan, malah pe-

ngertian terkandung dalam frasa menyuruh mengerjakan yang makruf - wanita juga mencakupi segala segi kebaikan dan pembaikan kehidupan.

Ini termasuk memberikan nasihat atau kritik kepada penguasa sehingga setiap lelaki dan wanita Muslim hendaknya mengikut perkembangan masyarakat agar masing-masing mampu melihat dan memberikan saranan atau nasihat dalam pelbagai bidang kehidupan.

Al-Quran juga mengajak umatnya (lelaki dan wanita) agar bermusyawah, (surah al-Syura ayat 38). Ayat ini dijadikan dasar oleh banyak ulama untuk membuktikan adanya hak berpolitik bagi setiap

lelaki dan wanita.

Temannya sejati bagi pemimpin nombor satu negara penting dalam menjalinkan hubungan negara dengan negara, kestabilan politik dan sosio-masyarakat.

Inilah yang bakal menanti Jeanne yang secara rasmi menemani Pak Lah ke Brunei dan beberapa negara Eropah yang secara tidak langsung, peranan Jeanne turut membawa imej keterampilan tatasusila, sopan santun, adab dan pemikiran tinggi keintelektualan wanita Malaysia pada peringkat lebih tinggi.

AHMAD FAUZI MUSTAFA,
*Pegawai Penyelidik
Parlimen Malaysia.*